

# KEWANGAN REMAJA BERBELANJA ATAU MENYIMPAN

Oleh Noor Azam Abdul Rahman

**B**ERBELANJA atau menyimpan? Dua perkara ini perlu diberi perhatian oleh setiap remaja apabila berbilang tentang kewangan. Pada usia muda remaja ini, perkara yang menyentuh soal kewangan merupakan perkara yang mencabar. Pada peringkat ini, pengurusan kewangan bagi remaja berkisar pada perkara yang berkaitan dengan kehendak melebihi daripada keperluan. Hal ini berlaku kerana pada kebiasaannya, keperluan remaja telah pun disediakan oleh ibu bapa atau penjaga masing-masing. Sumber pendapatan remaja juga masih terhad, sama ada daripada wang perbelanjaan yang disediakan oleh ibu bapa atau penjaga ataupun daripada sumber biasiswa atau pinjaman pendidikan, jika mereka yang masih di bangku

persekolahan atau di pusat pengajian tinggi. Selain itu, terdapat juga remaja yang telah pun terlibat dalam sektor pekerjaan seawal usia belasan tahun, iaitu setelah tamat sahaja persekolahan. Golongan ini mampu menjanakan pendapatan mereka secara sendiri, namun kebijaksanaan dalam pengurusan kewangan sendiri ini lebih berisiko daripada remaja yang lain. Oleh itu, pengetahuan yang baik tentang ilmu pengurusan kewangan perlu dipelajari.


Pengurusan kewangan dalam konteks remaja dapat dibahagikan kepada beberapa kumpulan berdasarkan sumber pendapatan masing-masing. Pembahagian ini penting kerana setiap remaja mempunyai cara serta kecenderungan yang berbeza ketika membuat keputusan, sama ada berbelanja ataupun menyimpan hasil

pendapatan mereka itu. Kecenderungan ketika membuat keputusan tentang kewangan remaja ini bergantung pada kedudukan remaja pada masa tersebut, sama ada sebagai pelajar di sekolah atau di institusi pengajian tinggi ataupun pekerja atau penganggur, dan mungkin juga sebagai anak yang berehat sahaja di rumah ibu bapa. Perbezaan ini mempengaruhi cara remaja tersebut membuat keputusan tentang kewangan mereka.

Bagi remaja yang masih di bangku persekolahan dan di institusi pengajian tinggi (IPT), misalnya, sumber pendapatan mereka sangat terhad. Sumber utamanya daripada wang saku yang disediakan oleh ibu bapa atau penjaga; mungkin juga biasiswa yang disediakan oleh kerajaan atau institusi tertentu. Keperluan remaja ini, pada kebiasaannya, telah disediakan oleh

ibu bapa atau penjaga masing-masing. Hal ini bermaksud beban perbelanjaan daripada hasil pendapatan bagi kumpulan remaja yang masih belajar ini lebih sederhana berbanding dengan kawan mereka yang bekerja.

Dalam hal ini, Prof Madya Dr. Mohamad Fazli Sabri, melalui rencananya dalam *Utusan Malaysia* pada 14 November 2016, menjelaskan bahawa setiap remaja, terutamanya yang masih menuntut di IPT perlu bijak mengurus kewangan masing-masing, apatah lagi pada peringkat itu, mereka masih mempunyai sumber kewangan yang terhad. Menurutnya lagi, remaja yang masih menuntut di IPT masih terikat dengan pembiayaan pendidikan yang diterima oleh mereka sehingga mereka tamat belajar dan menyelesaikan pembiayaan tersebut. Oleh itu, sebarang perancangan kewangan



perlu dimasukkan juga kos yang perlu ditanggung selepas belajar nanti, iaitu pembayaran balik pinjaman pendidikan tersebut.

Walau bagaimanapun, secara umumnya setiap remaja mempunyai cabaran yang besar dalam pengurusan kewangan masing-masing, sama ada remaja yang masih belajar ataupun remaja yang telah bekerja. Kesilapan kecil sewaktu membuat keputusan tentang kewangan akan memberikan kesan yang besar kepada remaja pada masa depan. Oleh itu, setiap remaja perlu memahami konsep berbelanja dan menyimpan dalam keputusan

kewangan mereka. Konsep kewangan secara asas juga perlu difahami sebaik-baiknya. Menurut pakar ekonomi, secara ringkasnya kewangan remaja merujuk aspek pendapatan dan perbelanjaan yang melibatkan remaja. Dalam konteks ini, kewangan remaja hanya melibatkan perbelanjaan dan pendapatan berupa wang, iaitu tanpa melibatkan sumber kewangan yang lain, seperti hartanah dan pelaburan jangka pendek, seperti urus niaga saham semasa, terutamanya bagi remaja yang masih berada di alam persekolahan.

Seperti yang dibincangkan, sumber pendapatan remaja akan memberikan pengaruh yang besar untuk mereka membuat keputusan, sama ada menyimpan ataupun berbelanja. Menyimpan bermakna sebahagian daripada pendapatan yang diperolehi remaja tersebut akan diagihkan sebagai simpanan. Jika remaja memilih untuk berbelanja, sumber perbelanjaannya daripada sumber yang sama.

Bagi remaja yang telah mampu menjanakan pendapatan sendiri atau yang terlibat dalam sektor pekerjaan, mereka perlu lebih bertanggungjawab terhadap pendapatan mereka sendiri. Sumber pendapatan yang diperolehi daripada hasil usaha sendiri perlu diagihkan sebaik-baiknya untuk keperluan dan kehendak sendiri. Oleh itu, kebijaksanaan remaja dalam pengurusan kewangan sangat penting. Dalam situasi seperti ini, kebanyakan ibu bapa tidak lagi terlibat secara langsung ketika membuat keputusan tentang kewangan remaja. Kebebasan yang telah diberikan oleh ibu bapa atau penjaga tentang kewangan remaja ini pastinya memerlukan mereka bertindak secara bijak dan terkawal dengan sebaik-baiknya.

Perbezaan antara keperluan dengan kehendak merupakan perkara yang perlu difahami dengan mendalamnya oleh remaja. Kesilapan mentafsirkan keperluan dan kehendak ini boleh memberikan kesan yang besar terhadap keputusan remaja, sama ada berbelanja ataupun menyimpan hasil daripada pendapatan mereka. Menurut Agensi Kaunseling dan Pengurusan Kredit, iaitu agensi di bawah Bank Negara Malaysia, melalui buku terbitannya, *Money*

**Dalam pengurusan kewangan individu, perkara ini disebut sebagai perbelanjaan wajib yang perlu diambil kira dalam belanjawan peribadi remaja. Antara perkara yang termasuk dalam kumpulan perbelanjaan wajib ini termasuklah makanan, sewa rumah, kenderaan dan bayaran utiliti.**

*Sense: Getting Smart With Your Money,* keperluan merujuk sesuatu perkara yang wajib ada bagi setiap pengguna. Tanpa perkara ini, kita tidak dapat meneruskan rutin kehidupan atau akan menjejaskan kehidupan harian seseorang. Sebagai contohnya, keperluan asas bagi manusia, seperti makanan, tempat tinggal, dan pakaian.

Kehendak pula, menurut buku yang sama, merujuk sesuatu yang kita suka untuk mendapatkannya sedangkan perkara itu tidak wajib diperolehi oleh seseorang. Hal ini bermaksud ketiadaan perkara tersebut tidak akan menjejaskan rutin harian kita. Sebagai contohnya, pakaian yang berjenama dan mahal bukan perkara yang wajib untuk dibelanjakan. Pakaian boleh sahaja dibelanjakan mengikut kemampuan pendapatan diri sendiri serta keperluan untuk membelinya.

Secara ringkasnya, setiap remaja perlu memastikan senarai keperluan dan kehendak masing-masing menepati serta selari dengan pendapatan masing-masing. Setiap remaja pastinya mempunyai senarai keperluan dan kehendak yang berbeza berdasarkan kedudukan masing-masing. Seperti yang telah dibincangkan, remaja yang masih belajar berbeza cara pengurusan kewangan berbanding dengan rakan mereka yang bekerja. Perbezaan ini menentukan setiap remaja untuk

menentukan pendapatan masing-masing, sama ada berbelanja ataupun menyimpan.

Persoalannya, adakah remaja perlu memilih antara dua perkara ini? Remaja boleh sahaja memilih untuk melakukan kedua-duanya, iaitu berbelanja sebahagian daripada pendapatan mereka dan sebahagian lagi menyimpannya. Kebijaksanaan remaja membuat pilihan ini akan menentukan "siapa" remaja tersebut pada masa akan datang. Dalam tempoh 10 tahun atau 20 tahun daripada usia remaja sekarang, mereka dapat membayangkan kedudukan kewangan mereka hasil daripada keputusan yang dibuat pada hari ini tentang kewangannya, iaitu sama ada berbelanja ataupun menyimpan. Perkara yang tidak kurang pentingnya juga, selepas membuat keputusan berkaitan kewangan ini, ialah remaja perlu menjawab persoalan bagaimana, iaitu bagaimana untuk berbelanja? Bagaimana untuk menyimpan?

Berbelanja bermakna remaja memperuntukkan sebahagian daripada pendapatannya untuk perkara yang perlu bagi mereka. Apakah keperluan bagi remaja? Seperti orang lain juga, remaja pastinya perlu memperuntukkan sebahagian daripada pendapatan untuk keperluan peribadi. Dalam pengurusan kewangan individu, perkara ini disebut sebagai perbelanjaan wajib yang perlu diambil kira dalam belanjawan peribadi remaja. Antara perkara yang termasuk dalam kumpulan perbelanjaan wajib ini termasuklah makanan, sewa rumah, kenderaan dan bayaran utiliti. Semua kos untuk perkara ini perlu dinyatakan dengan tepatnya agar pada setiap tempoh tertentu jumlah tersebut mampu disediakan. Dalam hal ini, remaja perlu sentiasa membuat catatan tentang setiap perkara yang wajib dibelanjakan pada satu tempoh tertentu, seperti satu bulan atau secara tahunan.

Perbelanjaan berhema perlu sentiasa diutamakan dalam setiap belanjawan remaja. Selepas perbelanjaan wajib ini diselesaikan, barulah remaja boleh menghitung untuk membuat perbelanjaan terhadap perkara yang dikategorikan sebagai "kehendak". Remaja yang bijak dan berhati-hati dalam kewangan mereka



biasanya akan membuat pertimbangan yang rapi untuk perbelanjaan dalam kategori "kehendak". Bagi remaja ini, kategori "kehendak" tidak akan dilakukan secara berturut-turut dalam tempoh yang singkat. Sebagai contohnya, aktiviti melancong tidak dilakukan dalam tempoh sebulan sekali. Perkara ini mungkin boleh dijadikan aktiviti tahunan, pada setiap pertengahan tahun atau sekali dan dua kali setahun. Remaja yang telah bekerja mungkin boleh menggunakan waktu bekerja di luar kawasan sebagai bekerja sambil bercuti.

Bagaimana pula untuk menyimpan? Bagi remaja, menyimpan mungkin perkara yang telah biasa dilakukan. Pada kebiasaannya, remaja memperuntukkan sebahagian daripada wang saku yang diperoleh daripada ibu bapa untuk tujuan tertentu, seperti membeli barangan yang diminati. Menyimpan merupakan cara yang terbaik untuk mendapatkan sesuatu yang diinginkan dalam tempoh yang ditetapkan. Dalam hal ini, pengaruh ibu bapa atau penjaga sangat besar untuk membentuk remaja menjadi orang yang gemar menyimpan sehingga menjadi tabiat. Sejak usia kanak-kanak, kebanyakan ibu bapa telah mengasuh anak mereka untuk menyimpan wang saku atau hasil daripada saudara-mara semasa musim perayaan sebagai simpanan. Terdapat juga ibu bapa atau penjaga yang memberikan syarat kepada anak supaya menyimpan jika ingin mendapatkan sesuatu. Sebagai contohnya, jika mereka ingin akan jam tangan yang

berjenama, anak perlu menabung dalam tempoh tertentu hasil daripada wang saku mereka untuk mendapatkan jam tersebut. Asuhan sebegini amat berkesan untuk membentuk remaja menjadikan aktiviti menyimpan sebagai perkara yang penting dan wajib.

Pada usia muda remaja ini, jika mereka mampu menjadikan aktiviti menyimpan sebagai tabiat, itu perkara yang terbaik. Dalam konteks remaja, tempoh usia yang masih muda bermakna tempoh wang simpanan itu disimpan juga lama. Secara relatifnya, wang yang disimpan dalam tempoh yang lama akan mendapat hasil yang banyak dan berkesan. Bagi remaja yang masih di alam pendidikan, proses menyimpan boleh dilakukan sebagai persediaan untuk kegunaan selepas tamat pembelajaran nanti atau sebagai modal "permulaaan untuk memulakan kehidupan sendiri pada satu hari nanti. Bagi remaja yang telah bekerja dan menjanakan pendapatan sendiri, tabiat menyimpan ini boleh menjadi "pelampung" keselamatan pada masa dilanda kesusahaaan atau keperluan untuk menggunakan anak mereka yang banyak pada masa akan datang.

Aktiviti menyimpan bukan sahaja boleh dilakukan dalam bentuk simpanan wang ringgit, malah boleh juga dalam bentuk pelaburan jangka panjang, seperti pelaburan dalam saham amanah atau hartanah. Cara yang paling mudah untuk menyimpan adalah melalui akaun simpanan di institusi kewangan, seperti bank. Simpanan cara begini ternyata selamat dan mampu memperoleh

pulangan yang telah ditetapkan untuk tempoh tertentu. Selain itu, simpanan dalam bentuk insurans juga boleh dilakukan oleh remaja sebagai perlindungan pada masa kecemasan dan sebagai simpanan jangka panjang yang berkesan.

Secara realitinya, remaja tidak perlu untuk memilih sama ada berbelanja ataupun menyimpan ketika membuat keputusan terhadap kewangan mereka. Remaja sebenarnya perlu melakukan kedua-duanya. Dua perkara ini merupakan aktiviti semula jadi bagi setiap orang yang berpendapatan, termasuk remaja. Perkara yang perlu diberi perhatian oleh remaja ialah cara terbaik untuk memastikan kewangan mereka tidak menjadi beban yang mengganggu rutin harian mereka, malah jika tidak berjaya diurus secara tertib, akan mengganggu masa depan mereka. Dalam pengurusan kewangan remaja, aspek penting yang perlu dilihat ialah aliran wang yang ada di tangan remaja tersebut dibelanjakan sebaik-baiknya dan pada masa yang sama, terdapat sejumlah tertentu untuk disimpan sebagai persediaan pada masa akan datang.

Sebagai kesimpulannya, perlu sentiasa diingatkan bahawa remaja yang berjaya merancang kewangan yang baik semasa tempoh usia mudanya menjadi orang dewasa yang sangat berjaya pada masa hari tuanya nanti. Tepuk dada tanyalah hati, di mana kedudukan kita suatu hari nanti? **OS**